

Tindakan tegas yg jejas pelabuhan **ITWFE**

PENJAJAJAH CARA BARU

... M 18 FEB 1979.

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Kerajaan tidak akan membenarkan sesiapa pun menjejaskan pelabuhan di negeri ini, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Katanya, pelabuhan adalah nadi dan nyawa negara.

"Sebarang ugutan dan tindakan menjejaskannya adalah perbuatan untuk menghancurkan ekonomi negara serta menyusahkan rakyat," tambahnya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan simposium Kemajuan Lebuh Raya Kebangsaan dan Pembangunan Masa Depan anjuran Persatuan Kejuruteraan Jalanraya Asia dan Australia di sini.

lam Negeri (ISA) Khamis lalu.

Datuk Sri Dr. Mahathir mendakwa, dalam perjumpaan tersebut, Donald Uren bukan sahaja telah memberi jaminan akan merosakkan perhubungan dagang Malaysia, malah menggalakkan juga tindakan perusahaan yang berasaskan 'perpaduan pekerja' bertujuan melumpuhkan ekonomi negara ini.

"Kerajaan tidak boleh memandang ringan terhadap perkara ini, dan membiarkan orang asing campur memandangkan kegiatan pelabuhan

Beliau menekankan, kerajaan menyokong kesatuan-kesatuan sekerja dan percaya bahawa para pekerja mempunyai hak, tetapi segala tuntutan yang mereka buat itu mestilah mengikut 'cara halal.'

Menurutnya, sebarang tuntutan yang dibuat oleh mana-mana kesatuan sekerja yang tidak mengikut cara ini adalah satu perbuatan tidak bertanggungjawab dan kerajaan tidak boleh bertolak ansur terhadap tindakan seperti ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir enggan mengulas bahawa

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tindakan yang menjejaskan perkhidmatan pelabuhan akan menyekat atau melengahkan kemasukan barang-barang perlu dan ini akan mengakibatkan inflasi di negara ini.

"Tindakan seperti ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan kerajaan tidak boleh memandang ringan," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengecam tindakan Pesekutuan Antarabangsa Pekerja-Pekerja Pengangkutan (ITWF) yang ingin melanjutkan kuasanya dari Britain ke Malaysia dengan campurtangan dalam hal ehwal negara ini.

Sedar

Sambil mensifatkan perbuatan tersebut sebagai 'penjajahan secara baru,' beliau menegaskan, kita tahu ITWF ini dipimpin oleh British dan kita juga sedar kesan-kesan yang dialami oleh Britain akibat

tindakan kesatuan-kesatuan sekerjanya.

"Saya amat dukacita ada orang Malaysia yang menyuruh 'tuan lamanya' merosakkan negara kita," katanya.

Mengulas tentang ancaman Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan Kelang (PASU) Kesatuan Pekerja-Pekerja Pelabuhan, Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan dan Kakitangan Perkhidmatan Tambahan Pelabuhan hendak mengambil tindakan perusahaan sebagai menyokong Kesatuan Pekerja Penerbangan (AEU) dalam pertikaianya, beliau berkata kerajaan sedar tindakan ini diambil di atas arahan ITWF.

Ini menurutnya diakui sendiri oleh pihak kesatuan tersebut dan kerajaan juga tahu mereka telah mengadakan perjumpaan dengan wakil ITWF bagi kawasan Asia. Donald Uren, baru-baru ini sebelum beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Da-

sebagai satu nadi kepada negara ini," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, adanya hubungan Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan dengan badan antarabangsa ini telah menjadikan mereka ini angkuh.

"Dengan itu mereka sentiasa hendak mengecam untuk merosakkan negara," tambahnya.

Tegas beliau, tindakan tersebut adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan kerajaan tidak boleh memandang ringan terhadap sikap seumpama ini.

Beliau juga memberitahu, kerajaan kini sedang mengkaji langkah-langkah untuk menyekat orang-orang asing daripada mencampuri hal ehwal negara ini.

"Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan balas kepada mana-mana pihak atau mana-mana negara sekalipun yang hendak merosakkan kita," tegasnya.

berikutan dengan ancaman kesatuan-kesatuan kerja pelabuhan yang semuanya mempunyai ahli seramai lebih 12,000 orang itu, anggota-anggota pasukan pertahanan telah diletakkan dalam keadaan berjajaga di Pelabuhan Kelang.

Mengikut sumber-sumber, langkah tersebut bertujuan menjamin perkhidmatan di pelabuhan itu tidak terjejas.